

# PENGAJARAN BERPASANGAN

# *Definisi:*

*Satu strategi yg melibatkan dua orang peserta kursus / pelajar bekerjasama merancang P&P, memerhati pengajaran rakan sebaya & memberi maklum balas tentang persediaan & penyampaian pelajaran semasa praktikum.*

# OBJEKTIF

**Melalui Pengajaran Berpasangan Pelajar (guru pelatih) Dapat;**

- a. *Mewujudkan kerjasama di kalangan guru pelatih secara formal berasaskan ungkapan “two heads are better than one”.*
- b. *Berfikir & berbincang tentang teknik P&P, cara-cara meningkatkan pembelajaran murid & perkara-perkara lain yg berkaitan dgn tugas mereka.*
- c. *Berlatih & mencuba pelbagai kemahiran P&P.*
- d. *Mengkaji kelemahan P&P mereka & berikhtiar mencari jalan utk mengatasinya.*
- e. *Memerhati P&P orang lain & membina kemahiran memerhati serta menilai.*
- f. *Meningkatkan kreativiti.*

# **GARIS PANDUAN**

**1. Pengajaran berpasangan mengandungi ciri-ciri berikut;**

**1.1 Peringkat-peringkat perkembangan kemahiran.**

- a. Pengurusan bilik darjah & merancang persediaan mengajar.**
- b. Kemahiran mengajar.**
- c. Menganalisis & mengkaji semula kemahiran mengajar serta mencuba pendekatan , strategi, kaedah, & teknik yg berlainan.**

**1.2 Proses pembelajaran berlaku melalui ;**

- a. Perbincangan**
- b. Pemerhatian**
- c. Maklum balas**

### **1.3 Jenis-jenis interaksi ;**

- a. “Tandem” - proses dlm aktiviti pengajaran berpasangan iaitu dua orang guru pelatih / pelajar bersama-sama merancang & mengajar sesuatu pelajaran.**
- b. “Berpasukan”- proses interaksi dlm aktiviti pengajaran berpasangan iaitu dua orang guru pelatih/ pelajar bersama-sama merancang pengajaran tetapi mengajar berasingan.**
- c. “Individu” – proses interaksi dlm aktiviti pengajaran berpasangan iaitu dua orang guru pelatih berbincang bersama tetapi menyediakan pelajaran & mengajar berasingan.**

- 2. Pengajaran berpasangan hendaklah dijalankan pada minggu kedua hingga keempat Praktikum I.**
- 3. Pelaksanaan pengajaran berpasangan adalah tertakluk kpd pertimbangan pihak Jawatankuasa Praktikum, spt menyedia senarai semak bagi panduan membuat pemerhatian & perbincangan.**
- 4. Penyeliaan pengajaran berpasangan tidak diberi gred.**

# **PERKARA-PERKARA YG PERLU DIBERI PERHATIAN DLM PENGAJARAN BERPASANGAN**

- 1. Percanggahan idea perlu diatasi secara profesional.**
- 2. Guru pelatih dikehendaki menetapkan masa dan kelas tempat pengajaran berpasangan akan dijalankan.**
- 3. Guru pembimbing / pensyarah penyelia memastikan pengajaran berpasangan dijalankan.**
- 4. KPLI – sekurang-kurangnya 4 kali pengajaran, mulai minggu kedua.**
- 5. PISMP – sekurang-kurangnya 2 kali pengajaran, mulai minggu kedua.**

Sekian....

*Terima Kasih.*